



**الدورة الخاصة**  
**لتحفيظ القرآن الكريم والترجمة**  
( للمبتدئين والثانويين للعام 2019 )

**KELAS TAHFIZ AL-QURAN DAN TERJEMAHAN**  
(Persediaan Ke Maahad Tahfiz Sulaimaniah Turki)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## المقدمة

### Pengenalan

**KONSEP:** KELAS TAHFIZ TURKI adalah suatu **program pengukuhan** yang dirancang khusus untuk membimbing PELAJAR SEKOLAH bagi **MENGHAFAZ AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN** serta **MEMAHAMI ISI KANDUNGANNYA**. Ia dijalankan dalam tempoh 11 bulan sebagai persediaan ke Maahad Tahfiz Sulaimaniah, untuk membantu mereka melanjutkan pengajian Tahfiz al-Quran (2 Tahun di Malaysia) dan Alim (4 tahun di Turki). Antara modul lain yang akan dipelajari oleh mereka ialah **ILMU TAJWID, ASAS BAHASA ARAB dan TERJEMAH HARFIYYAH**.

**SASARAN:** Ia dibangunkan untuk:-

- 1- Lepas UPSR dan yang setaraf dengannya

**SYARAT:** Peserta hendaklah :-

- 1- Mempunyai minat dan kesungguhan.
- 2- Boleh mengenal dan membaca tulisan Jawi atau Arab

**TEMPOH:** Setiap modul pengajian akan diajar dalam tempoh 40 jam melalui proses pembelajaran berikut (8 jam x 5 hari x 4 minggu x 12 bulan = 1 TAHUN). Jangka masa adalah dalam SATU TAHUN. Pengambilan pelajar akan dilakukan pada bulan JANUARI. Pendaftaran akan dibuka setelah IKLAN PENGAMBILAN dikeluarkan.

**MODUS:** KELAS TAHFIZ TURKI akan dijalankan secara sepenuh masa di PUSAT BAHASA ARAB MIKRO, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan. Tempat tinggal DAN makan/minum disediakan. Kursus hanya dihadkan kepada 10 orang peserta sahaja. Kursus dipecahkan kepada EMPAT SESI PEMBELAJARAN berikut:-

- MODUL HAFAZAN. : 5-10 Juzuk bagi 1 tahun
- MODUL TAJWID & TILAWAH : Asas Ilmu Tajwid & Tahsin
- MODUL BAHASA ARAB : Asas Terjemahan Bahasa Arab Mikro
- MODUL TERJEMAH HARFIYYAH : Juzuk 1 – Juzuk 10

**PERMOHONAN:** Mana-mana INDIVIDU atau INSTITUSI yang berminat untuk menyertai atau menaja program ini dipersilakan menghubungi ALC untuk perbincangan lanjut melalui alamat berikut:-

Arabic Language & Consultancy (KT 0113640-X)  
 Lot 1160-3A/B, Batu 3 ¼ Jalan Kuala Krai  
 Nilam Puri, 16010 Kota Bharu Kelantan  
 Tel : 09-7124230 Telefax : 09-712 4860, H/P : 014-838 4040  
 e-mail : [guruarabmikro1@gmail.com](mailto:guruarabmikro1@gmail.com)

# التسهيلات

## KELENGKAPAN KURSUS

Idea untuk memperkenalkan KELAS TAHFIZ TURKI ini adalah kerana Pusat Bahasa Arab Mikro ingin melahirkan generasi HUFFAZ yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang Al-Quran tetapi juga berkualiti dalam ILMU BAHASA ARAB dan ILMU TAFSIR. Hal ini juga kerana ada permintaan yang banyak dari masyarakat sekeliling. Oleh itu, kami mengambil inisiatif untuk merangka kursus ini dengan kemudahan-kemudahan berikut :-

### PEJABAT URUSAN



### RUANG KURSUS YANG SELESA



### TEMPAT TINGGAL YANG SELAMAT



### MODUL-MODUL KURSUS YANG TERKINI



# الفلسفة

## FALSAFAH

### الْقُرْآنُ مِنْهُجُ التَّفَكِيرِ الْإِسْلَامِيِّ الصَّحِيحِ

#### AL-QURAN WADAH PEMIKIRAN ISLAM

Ia akan berfungsi sebagai medium yang jelas untuk memandu umat Islam berfikir dengan cara yang betul dalam mencari penemuan Islam yang tepat dengan fitrah dan prinsip-prinsip agama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

# الهدف

## MATLAMAT

### إِعْدَادُ مِنْهُجٍ صَحِيحٍ لِدِرَاسَةِ الْقُرْآنِ

#### MENYEDIAKAN PENDEKATAN YANG BETUL UNTUK MEMPELAJARI ILMU-ILMU AL-QURAN

Program ini bertujuan membantu setiap peserta memahami kaedah yang betul untuk menghafaz Al-Quran, sekaligus dapat mentadabbur Al-Quran dalam kehidupan seharian demi mencapai REDHA ALLAH S.W.T.

# حصائل البرنامج

## HASIL KURSUS

Para peserta akan dipastikan memahami dan menguasai perkara-perkara berikut sebelum diperakui lulus melalui ujian sistem peperiksaan terbuka yang dijalankan;-

#### 1. 3 Modul Khusus

Hafazan / Ilmu Tajwid & Tilawah / Asas Terjemahan Bahasa Arab

#### 2. Solat Fardhu (Berjemaah) & Solat Nawafil

Solat Lima Waktu / Solat Taubat / Solat Hajat / Solat Duha / Solat Tahajud

#### 3. Doa-Doa Utama

Wirid Selapas Solat / Doa Hafaz Al-Quran / Doa Khatam al-Quran / Doa Taubat/ Doa Penerang Hati dan lain-lain yang dikira sesuai.


# منهج البرنامج

## PENDEKATAN PROGRAM


Kursus ini telah disusun secara sistematik berasaskan pendekatan PEMBELAJARAN KENDIRI seperti berikut :-

- **TERJEMAHAN.** Pelajar diperkenalkan golongan kata BA dan fungsi nahuan setiap golongan untuk memudahkan ingatan makna terjemahan.
- **TILAWAH AMALI.** Pelajar dilatih bacaan bertajwid secara langsung dalam sesi latihan kelancaran bacaan sebanyak 40 kali setiap muka surat.
- **TAHFIZ BERSUARA DAN BERTULIS.** Pelajar dibimbing menghafaz mengikut segmen mesej ayat sebanyak 20 kali dan menulisnya kembali.
- **TASMEI'.** Pelajar diwajibkan menghantar hafazan kepada guru dua kali sehari.

HAFAZAN




TAJWID



TULISAN JAWI



FARDHU AIN



**KURSUS PERSEDIAAN TAHFIZ AL-QURAN** adalah :-

- 1- Pendekatan amali untuk setiap Modul yang dipelajari.
- 2- Ia akan dibimbing oleh guru yang berkemampuan sebagai pemudah cara dalam bentuk kumpulan yang kecil (10 orang/kelas) sahaja.
- 3- Setiap sesi pembelajaran, setiap pelajar akan dinilai dengan markah pencapaian sebagai penanda aras kepada perkembangan pelajar setiap hari.
- 4- Peperiksaan akhir akan di adakan pada setiap hujung bulan Kalendar Pengajian.

# أهداف الدورة

## MATLAMAT PENGAJIAN

Objektif-objektif utama kursus ini ialah :-

- **Memperkenalkan kaedah MUDAH, CEPAT dan BERKESAN dalam memahami dan menghafaz al-Quran.**
- **Membangkitkan minat masyarakat untuk kembali menghayati dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan.**
- **Membimbing pelajar membuat persediaan rapi melayakkan mereka menyambung pengajian ke Ma`ahad Tahfiz Sulaimaniyyah di Turki (tahfiz penuh) atau mana-mana sekolah agama/tahfiz di Malaysia.**

# محتويات المواد

## SINOPSIS MODUL

Sinopsis Modul-Modul kursus ini adalah seperti berikut :-

### • Modul Tahfiz :-

#### 1- TAQ 5414 – Tahfiz Al-Quran (10 Juzuk)

la memastikan pelajar menghafal keseluruhan juzuk dalam Al-Quran berserta tajwid dengan lancar serta **menghayati makna** (terjemahan) dan maksud (tafsir) dalam **menguasai mesej** yang ingin disampaikan.

#### 2- TAQ 5207 – Ilmu Tajwid & Tahsin al-Quran ( علم التجويد والتلاوة )

la memperkenalkan kepada pelajar Asas Ilmu Tajwid yang WAJIB DIKUASAI oleh para pelajar. Ia akan diajar dalam bentuk dua hala; MODEN (Iqraa') & TRADISI (Muqaddam). Pelajar akan dibekalkan dengan buku latih tubi atau set latihan amali yang mudah.

#### 3- TAQ 5415 – Terjemahan Perkata ( الترجمة الحرفية )

Modul ini memastikan pelajar dapat menterjemah setiap perkataan dalam Juzuk 1-6 dengan betul dan tepat secara harfiyyah. Ia juga memperkenalkan asas penggolongan kata Bahasa Arab Mikro dan bentuk WAZAN sebagai asas menguasai bahasa Arab.

# الجدول الدراسي

## JADUAL PENGAJIAN

| SEM  | MADAH<br>BULAN | 6.30-8.30     | التسميع<br>Hantar Hafazan<br>9.00 – 10.30 | الترجمة الحرفية<br>Terjamahan<br>Harfiyyah<br>11.00 – 12.30 | التلاوة والتجويد<br>Tilawah & Tajwid<br>2.30 – 4.30 | التحفيظ<br>8.30 –<br>10.30 |
|------|----------------|---------------|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|----------------------------|
| SATU | JANUARI        | إعادة للتسميع | Juzuk 30                                  | علم التجويد                                                 | Juzuk 1                                             | حفظ جديد                   |
|      | FEBRUARI       |               | Juzuk 1                                   | الجزء الثلاثون<br>Juzuk 30                                  | Juzuk 2                                             |                            |
|      | MAR            |               | Juzuk 1                                   |                                                             | Juzuk 3                                             |                            |
|      | APRIL          |               | Juzuk 2<br>Peperiksaan<br>Sem 1           |                                                             | Juzuk 4                                             |                            |
| DUA  | MEI            |               | Juzuk 3                                   | الجزء التاسع والعشرون<br>Juzuk 29                           | Juzuk 5                                             |                            |
|      | JUN            |               | Juzuk 4                                   |                                                             | Juzuk 6                                             |                            |
|      | JULAI          |               | Juzuk 5                                   |                                                             | Juzuk 7                                             |                            |
|      | OGOS           |               | Juzuk 6<br>Peperiksaan<br>Sem 2           |                                                             | Juzuk 8                                             |                            |
| TIGA | SEPTEMBER      |               | Juzuk 7                                   | الجزء الأول<br>Juzuk 1                                      | Juzuk 9                                             |                            |
|      | OKTOBER        |               | Juzuk 8                                   |                                                             | Juzuk 10                                            |                            |
|      | NOVEMBER       |               | Ulangan &<br>Peperiksaan<br>Sem 3         |                                                             | Juzuk 11                                            |                            |

# رسوم الدورة

## YURAN KURSUS

### YURAN PENGAJIAN SETAHUN

| PERKARA                                                                        | YURAN (RM)     |
|--------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| Pengurusan Pengajian, Peperiksaan Mingguan, Peperiksaan Semester, Buku Laporan | 1000.00        |
| Yuran Pengajaran RM700.00/Bulan x 11 bulan                                     | 7700.00        |
| Yuran Makan/bulan RM100.00 /bulan x 11 bulan                                   | 1100.00        |
| Asrama                                                                         | Percuma        |
| <b>JUMLAH</b>                                                                  | <b>9800.00</b> |

### NOTA :-

- Bayaran yang perlu dibayar ketika membuat pendaftaran ialah **RM1800.00**
- Yuran buku dan modul dibayar mengikut perkembangan pembelajaran semasa.

#### BAHAN-BAHAN YANG DIBEKALKAN SETIAP SEMESTER

- Modul kursus yang didaftarkan.
- Kad Imbasan (Flash Card).
- Buku catatan.
- Set latihan semasa.
- Jadual Pengajian
- Buku rujukan yang berkaitan.
- Beg buku
- DOBI

## الحاجيات

### BARANG KEPERLUAN ASRAMA

#### BAHAN-BAHAN YANG PERLU DIBAWA

- Pakaian Solat/Belajar
- Pakaian Sukan
- Pakaian Tidur
- Bantal dan Sarung, Selimut, Cadar, Sangkut Baju
- Alat Tulis

## الختام

### PENUTUP

Sesungguhnya kami pihak perunding ALC benar-benar berharap agar segala perancangan ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak. Kami doakan agar semua peserta akan mendapat faedah. Semoga program ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian terima kasih.

#### DISEDIAKAN OLEH:



[DR. MOHD ROSDI BIN ISMAIL]

Pengarah Urusan

Arabic Language & Consultancy(HQ)

# NOTIS FAX

KEPADA :

PUSAT BAHASA ARAB MIKRO  
ARABIC LANGUAGE & CONSULTANCY(HQ)

U:P **Dr. Mohd Rosdi bin Ismail**  
**Pengarah Urusan**  
**NO FAX: 09 -712 4860**  
**NO.TEL: 014 -838 4040**

PER : **KELAS TAHFIZ AL-QURAN**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa saya berminat untuk mengikuti bengkel tersebut di premis tuan.

Berikut adalah maklumat asas tentang diri saya ;-

|                                |                     |
|--------------------------------|---------------------|
| 1. Nama                        | No. K/P             |
| _____                          | _____               |
| 2. Alamat                      |                     |
| _____                          |                     |
| _____                          |                     |
| 3. NO. Telefon                 | NO. Fax             |
| _____                          | _____               |
| 4. NO. H/P                     | e-Mail              |
| _____                          | _____               |
| 5. Status ( Pelajar / Dewasa ) | Umur & Tarikh Lahir |
| _____                          | _____               |
| 6. Nama Penjaga                | No. K/P             |
| _____                          | _____               |

Sekian terima kasih

Yang benar

.....  
Nama  
Cop & Tandatangan

..... / ..... / .....  
Hari Bulan Tahun

*\*Pemohon digalakkan untuk menghubungi pihak kami untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.*